

# Kes jenayah kurang 23 peratus

831 kejadian dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini

Oleh Nor Azidah Mokhtar  
bhnews@bharian.com.my

**S**HAH ALAM: Perangkaan jenayah di bandar raya ini bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini didapati berkurangan 23 peratus atau 831 kes berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ini membabitkan penurunan indeks pelbagai jenis jenayah berat dan ringan termasuk bunuh, samun, curi, rogol, curi kenderaan dan pecah rumah.

Timbalan Ketua Polis Daerah Shah Alam, Superintendan M Chandrasehkan, berkata penurunan itu ada kaitan dengan kerjasama orang ramai dalam membantu polis membanteras jenayah.

Katanya, kejayaan itu berikutan kesediaan masyarakat menjadi 'mata dan telinga' polis dengan menyalurkan maklumat penting bagi membongkar kegiatan jenayah. "Indeks jenayah samun dan mendatangkan kecederaan



*Kejayaan itu berikutan kesediaan masyarakat menjadi 'mata dan telinga' polis dengan menyalurkan maklumat penting bagi membongkar kegiatan jenayah"*

**M Chandrasehkan**

Timbalan Ketua Polis Daerah Shah Alam

kerap berlaku di Seksyen 26, 27, 28 dan Seksyen 33 didapati turun dengan ketara," katanya pada Program Pencegahan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bersama Masyarakat anjuran Balai Polis Komuniti Taman Alam Megah di Seksyen 28 di sini, baru-baru ini.



PENGUNJUNG tidak ketinggalan membaca risalah cara pencegahan yang diedarkan pada pameran di Shah Alam.

Hadir sama, Ketua Polis Balai Komuniti Alam Megah, Seksyen 27, Sarjan Harun Adnan dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Zon 10, Kamarudzaman Sanusi.

Pada program itu, pengunjung turut diberikan tip penjagaan keselamatan selain demonstrasi pencegahan jenayah serta demonstrasi oleh Unit Anjing Pengesan (K9) PDRM.

Chandrasehkan berkata, masyarakat perlu mengambil

tahu siapa jiran kerana penjenayah mungkin tinggal di sekeliling mereka.

Katanya, penduduk yang mengesyaki ada sesuatu tidak kena dengan jiran mereka perlu segera melaporkannya kepada polis untuk tindakan lanjut.

"Anda boleh menghubungi Rakam Cop melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dan hantar kepada 32728 atau telefon bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Shah

Alam di talian 03-55102220," katanya.

Beliau berkata, sebaik menerima SMS aduan, polis peronda akan segera membuat tinjauan di tempat aduan dalam masa antara 10 hingga 15 minit.

"Polis bertugas 24 jam sehari untuk mencegah jenayah namun kita juga memerlukan sokongan padu daripada masyarakat untuk terus menyokong segala tindakan kita. "Ini kerana

ada ketika moral dan motivasi anggota kami terjejas berikutan beberapa insiden yang menggugat kredibiliti polis, selain wujud kenyataan memburukkan polis oleh pihak berkepentingan," katanya.

Beliau menegaskan masyarakat tidak wajar 'menjatuhkan' hukuman terhadap polis yang sentiasa berusaha menegakkan undang-undang kerana ia umpama 'marahkan nyamuk, kelambu dibakar'.